



## Siaran Akhbar

### KESALAHAN PENDAFTARAN KAD SIM PRABAYAR PALSU: MCMC KELUARKAN 15 KOMPAUN BERNILAI RM700,000

**CYBERJAYA, 5 Oktober 2020** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengeluarkan sebanyak 15 kompaun bernilai RM700,000 pada 1 Oktober 2020 lalu kepada syarikat-syarikat telekomunikasi atas kesalahan pendaftaran kad SIM prabayar tanpa membuat pengesahan maklumat pengguna yang dilakukan pada 2019.

Kesemua kompaun yang dikeluarkan itu meliputi kesalahan di bawah Seksyen 127 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 dibaca bersama Seksyen 242 Akta sama, yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mendahului senarai penerima jumlah kompaun tertinggi ialah U Mobile Sdn Bhd dengan lima (5) kompaun bernilai RM250,000. Ini diikuti dengan Celcom Axiata Berhad dan Tune Talk Sdn Bhd, masing-masing dengan tiga (3) kompaun bernilai RM150,000. Maxis Broadband Sdn Bhd pula dikenakan sebanyak dua (2) kompaun bernilai RM100,000 manakala YTL Communications Sdn Bhd dan Tone Plus Sdn Bhd masing-masing dengan satu (1) kompaun bernilai RM40,000 dan RM10,000.

### SENARAI NAMA-NAMA SYARIKAT TELEKOMUNIKASI YANG DIDENDA ATAS KESALAHAN PENDAFTARAN KAD SIM PRABAYAR PALSU

No	Syarikat Telekomunikasi	Jumlah Kompaun	Nilai Kompaun (RM)
1.	U Mobile Sdn Bhd	5	RM250,000
2.	Celcom Axiata Berhad	3	RM150,000
3.	Tune Talk Sdn Bhd	3	RM150,000
4.	Maxis Broadband Sdn Bhd	2	RM100,000
5.	YTL Communications Sdn Bhd	1	RM40,000
6.	Tone Plus Sdn Bhd	1	RM10,000
	<b>TOTAL</b>	<b>15</b>	<b>RM700,000</b>

Tindakan yang diambil itu mencerminkan ketegasan dan komitmen MCMC dalam memastikan kepentingan pengguna sentiasa terpelihara selain memastikan proses pendaftaran kad SIM prabayar mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

Selain tindakan penguatkuasaan, pelbagai langkah proaktif lain turut diambil oleh MCMC. Antaranya, pendaftaran kad SIM menggunakan Platform Automatik yang sulit (*encrypted*) dan terjamin (*secured*) sahaja. Selain itu, penyedia perkhidmatan tidak akan mendaftarkan mana-mana pelanggan baharu untuk memiliki lebih daripada lima (5) kad SIM untuk setiap individu.

Pihak MCMC tidak akan berkompromi dalam hal ini dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang gagal untuk mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

## JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

